



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

HARI SENIMAN NEGARA DIRAI SETIAP 22 MAC SEMPENA TARIKH KELAHIRAN ALLAHYARHAM TAN SRI P. RAMLEE

Keluarga Malaysia perlu diberi kesedaran bahawa nilai keseniman Seniman Agung Legenda Tan Sri P.Ramlee yang sehingga kini tiada galang gantinya bukan sahaja terletak pada karya beliau dalam industri perfileman sebagai pengarah, pelakon, pengubah lagu, penulis lirik, pemuzik dan pelawak yang sangat hebat malah juga sebagai pemuisi, menjadi khazanah negara yang sangat berharga dan malar segar sehingga masa kini.

Justeru, bagi memperingati jasa dan sumbangan seniman agung tanah air ini, sambutan Hari Seniman Negara akan diadakan pada setiap 22 Mac iaitu bersempena dengan tarikh kelahiran Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Signifikan perubahan tarikh sambutan Hari Seniman Negara ini adalah untuk memperingati jasa serta sumbangan beliau terhadap industri kreatif negara ini di samping mengangkat karya-karya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang bukan sahaja telah berjaya melahirkan lebih ramai tokoh dan pakar industri kreatif malahan memperkenalkan Malaysia di mata dunia.

Cadangan pertukaran tarikh daripada 29 Mei ke 22 Mac tersebut telah diteliti dan pandangan serta maklum balas daripada pelbagai persatuan, pertubuhan berkaitan telah diambil dan seterusnya mendapat kelulusan Memorandum Jemaah Menteri yang diusulkan oleh Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Selain mengiktiraf kecemerlangan penggiat industri kreatif yang terlibat dalam bidang seni, Hari Seniman Negara juga disambut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan apresiasi masyarakat terhadap peranan seni budaya dalam mewujudkan masyarakat Malaysia yang memiliki jati diri serta menghargai seni budaya negara tanpa mengira bangsa khususnya ke arah penyatuan Keluarga Malaysia.

Sempena Hari Seniman Negara ini, KKMM turut berhasrat untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan pemegang-pemegang taruh dalam penganjuran Majlis Pelancaran Hari Seniman Negara pada 22 Mac 2022 bagi menghargai sumbangan dan peranan penggiat industri kreatif tanah air khususnya dalam membangun negara menerusi aktiviti seni, kreatif dan budaya serta usaha Kerajaan memartabatkan industri kreatif ke tahap yang lebih cemerlang.

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

16 Mac 2022